

# EAEG: PM tak mahu buat andaian

UM 23 MAY 1991

KUALA LUMPUR 19 Mei — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata hari ini, beliau tidak mahu membuat sebarang andaian mengenai masa depan bantuan Amerika Syarikat kepada Malaysia sekiranya ASEAN menolak permintaan kuasa besar itu untuk menyertai Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG).

"Saya tidak mahu membuat sebarang andaian pada perkara yang belum jadi," ujarnya kepada

para pemberita ketika menghadiri program Keluarga Bahagia Persatuan Ibu Bapa dan Guru Sekolah Kebangsaan Bukit Damansara di sini pagi ini.

Beliau menegaskan demikian ketika ditanya apakah bantuan Amerika kepada Malaysia seperti keistimewaan dalam Sistem Keutamaan Am (GSP) akan tergugat sekiranya ASEAN menolak permintaan negara itu untuk menyertai EAEG.

Jumaat lalu, Naib Presiden

Amerika, Encik Dan Quayle berkata, adalah sesuatu yang kurang bijak untuk mengeneipkan Amerika dalam keanggotaan EAEG memandangkan negaranya terlibat secara aktif di rantau Pasifik.

Oleh itu katanya, Amerika Syarikat ingin menyertai sama dalam gagasan ekonomi itu.

Menteri Luar, Dato' Abdullah Haji Ahmad Badawi berkata semalam, Amerika tidak layak menyertai EAEG kerana ia bukan negara rantau ini.